



SESI *TOWNHALL* YB MENTERI KPKT BERSAMA RAKAN KOLABORASI STRATEGIK KPKT DI BAWAH DASAR KOMUNITI NEGARA



Pada 18 Februari 2020, YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin, Menteri Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengadakan sesi *townhall* dengan 50 rakan kolaborasi strategik yang terdiri daripada Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA), dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) bagi memberi penerangan berkaitan Dasar Komuniti Negara .

Dalam ucapannya, YB Zuraida berkata Dasar Komuniti Negara memfokuskan beberapa kluster seperti infrastruktur dan penyelenggaraan, kebersihan, alam sekitar dan kesihatan, keselamatan, pendidikan dan kemahiran, keprihatinan terhadap kanak-kanak, warga emas, orang kurang upaya, wanita ibu tunggal dan daif, keusahawanan dan perniagaan sosial, perkhidmatan sosial serta sukan dan rekreasi.

Dalam dasar yang diperkenalkan pada tahun 2019 itu, beberapa program telah dijalankan dengan kerjasama rakan strategik antaranya Program *Trash-To-Cash* dan komuniti hab di beberapa penempatan Projek Perumahan Rakyat (PPR) seperti PPR Beringin dan PPR Taman Dagang. Untuk tahun ini, YB Zuraida berharap rakan strategik boleh membantu KPKT dalam aspek penyampaian maklumat dan pelaksanaan program dengan rakyat secara lebih meluas dan berkesan.



Beliau juga mengumumkan, KPKT akan mewujudkan Tabung Amanah KPKT bagi mengumpul dana dari rakan strategik untuk melakukan program komuniti melalui Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) di bawah Dasar Komuniti Negara. Selain itu, YB Zuraida juga turut menitikberatkan

kepentingan penubuhan Sekretariat Muafakat Komuniti di semua kawasan perumahan, bagi mempromosikan dasar-dasar KPKT kepada rakyat setempat.

Beliau juga berharap dasar-dasar KPKT dapat disampaikan kepada generasi akan datang bagi memastikan kualiti hidup rakyat dipertingkatkan supaya rakyat dapat membudayakan dasar-dasar KPKT dalam kehidupan harian mereka.

Sumber: Unit Komunikasi Korporat